

Antara Realiti dan Khayalan Su Usul dalam *Tunggul-tunggul Gerigis*: Satu Analisis berdasarkan Teori Psikonalisis Freud

BITARA

Volume 8, Issue 4, 2025: 26-40
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 13 July 2025
Accepted: 13 August 2025
Published: 20 September 2025

[Between Reality and Fantasy: Exploring Su Usul In *Tunggul-tunggul Gerigis*: An Analysis based on Freud's Psychoanalysis]

Ooi Eng Lye,¹ Mohamad Luthfi Abdul Rahman^{1*} & Mohd. Shahremy Ikmal Shahbudin¹

1 Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11700, Pulau Pinang. MALAYSIA.
Email: ooienglye@student.usm.my; luthfi@usm.my; shahremyikmal@usm.my

*Corresponding Author: luthfi@usm.my

Abstrak

Kertas kerja ini memilih novel *Tunggul-tunggul Gerigis* kerana watak Su Usul boleh dikatakan mengalami gangguan psikosis. Kajian ini bertujuan untuk memaparkan pemikiran dan emosi Su Usul dalam dunia realitinya sehingga kegelisahannya itu menuju ke alam khayalan. Untuk kajian ini, teori psikoanalisis Freud digunakan untuk meneliti aspek kejiwaan Su Usul. Menurut Nye, psikoanalisis merupakan satu teori personaliti dan juga satu kaedah terapi. Teori psikoanalisis Freud memberi penekanan kepada aspek ketidaksedaran personaliti yang menunjukkan proses perimbangan di antara id, ego dan superego dalam diri Su Usul yang sentiasa berkonflik dan berkhayal untuk mencapai kepuasan diri. Oleh itu, pendekatan psikoanalisis memudahkan penerokaan perkembangan personaliti Su Usul dalam hubungan dalaman dirinya dan hubungannya dengan dunia luar. Dunia Su Usul sering berbaur dengan unsur realiti dan khayalan.

Kata kunci: psikoanalisis, *Tunggul-Tunggul Gerigis*, realiti, khayalan

Abstract

This paper selects the novel *Tunggul-tunggul Gerigis* because the character Su Usul can be said to be experiencing psychosis. This study aims to portray Su Usul's thoughts and emotions within her reality, leading to her anxieties that descend into the realm of delusion. For this study, Freud's psychoanalytic theory is used to examine the psychological aspects of Su Usul. According to Nye, psychoanalysis is both a theory of personality and a method of therapy. Freud's psychoanalytic theory emphasizes the aspect of the unconscious personality, which demonstrates the balancing process between the id, ego, and superego within Su Usul, who is constantly in conflict and delusional in her pursuit of self-gratification. Therefore, the psychoanalytic approach facilitates the exploration of Su Usul's personality development in terms of her internal relationships and her relationship with the external world. Su Usul's world is often a blend of reality and delusion.

Keywords: psychoanalysis, *Tunggul-Tunggul Gerigis*, reality, delusion



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Ooi Eng Lye, Mohamad Luthfi Abdul Rahman & Mohd. Shahremy Ikmal Shahbudin. (2025). Antara Realiti dan Khayalan Su Usul dalam Tunggul-tunggul Gerigis: Satu Analisis Berdasarkan Teori Psikonalisis Freud (Between Reality and Fantasy: Exploring Su Usul in Tunggul-tunggul Gerigis: An Analysis based on Freud's Psychoanalysis). *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(4): 26-40.

Pengenalan

Kertas kerja ini memilih novel *Tunggul-tunggul Gerigis* kerana watak Su Usul boleh dikatakan mengalami gangguan psikosis. Kajian ini bertujuan untuk memaparkan pemikiran dan emosi Su Usul dalam dunia realitinya sehingga kegelisahannya itu menuju ke alam khayalan. Untuk kajian ini, teori psikoanalisis Freud digunakan untuk meneliti aspek kejiwaan Su Usul. Menurut Nye, psikoanalisis merupakan satu teori personaliti dan juga satu kaedah terapi. Teori psikoanalisis Freud memberi penekanan kepada aspek ketidaksedaran personaliti yang akan menunjukkan proses perimbangan di antara id, ego dan superego dalam diri Su Usul yang sentiasa berkonflik dan berkhayal untuk mencapai kepuasan diri. Oleh itu, pendekatan psikoanalisis memudahkan penerokaan perkembangan personaliti Su Usul dalam hubungan dalaman dirinya dan hubungannya dengan dunia luar. Dunia Su Usul sering berbaaur dengan unsur realiti dan khayalan. Menurut Nye, Freud melihat ketidaksedaran sebagai satu bahagian personaliti yang mesti dikaji. Analogi ketulan air batu digunakan untuk menunjukkan betapa pentingnya tekanan yang diberi oleh Freud terhadap ketidaksedaran. Seperti mana sebahagian besar ketulan air batu itu berada di bawah permukaan air, begitu juga halnya dengan sebahagian besar personaliti manusia yang berada di bawah tahap kesedaran. Freud percaya bahawa faktor penyebab tingkah laku manusia yang amat penting terletak di bahagian personaliti ini. Justeru itu, untuk memahami tingkah laku manusia, maka ketidaksedaran itu haruslah didedahkan.

Watak Su Usul boleh dilihat daripada perspektif konflik jiwa yang wujud dalam lapisan ketidaksedaran. Seperti yang ditafsirkan oleh Nye bahawa:

...id boleh dilihat sebagai bahagian personaliti yang pada keseluruhannya berada di bahagian ketidaksedaran. Impuls naluri kita yang asas dan paling primitif (yang paling biasa dikutuk masyarakat dan justeru itu tidak dibenarkan wujud dalam kesedaran) terletak di sini, dan walaupun kita tidak sedar akan kehadirannya, tetapi ia memotivasikan tingkah laku kita dan menyebabkan konflik-konflik dalaman. Apabila kita merasai, berfikir atau melakukan sesuatu yang kita lihat sebagai tidak boleh diterima atau mengancam diri sendiri. Ataupun apabila kita mengalami sesuatu yang kurang menyenangkan, maka kita cenderung untuk menolaknya ke dalam ketidaksedaran (satu proses yang berlaku tanpa disedari...); bahan-bahan ini akan diletakkan di dalam id, dan digabungkan dengan impuls-impuls naluri tidak sedar yang kemudiannya akan menyebabkan berlakunya masalah (Nye, 1992:30).

Oleh sebab kerja-kerja id, ego dan superego akan membentuk sikap dan perlakuan seseorang individu serta mencetuskan satu konflik dalaman, lapisan ketidaksedarannya perlu

diselongkar untuk mencari faktor-faktor yang membawa kepada pergolakan jiwa tersebut. Freud menyatakan satu lagi aspek ego yang tidak sedar: kuasa represinya. Apa-apa yang tidak boleh diterima atau yang tidak menyenangkan bagi seseorang itu akan diputuskan dari kesedaran – iaitu direpresikan dipendamkan (tukar dengan istilah bahasa Melayu yang sesuai). Untuk mengurangkan *anxieti keresahan* (tukar dengan istilah bahasa Melayu yang sesuai) dan melindungi diri, ego harus bertindak untuk menghapuskan impuls, fikiran, perasaan ataupun ingatan yang kurang menyenangkan. Ini dilakukan melalui operasi yang tidak disadari, dan sesuatu yang merepreseikannya memendamkan itu (ego) melakukannya dengan cara yang tidak sedar. (Nye, 1992: 31). Penelitian pengarang dalam pemaparan konflik luaran dan dalaman Su Usul telah memperlihatkan kerencaman kehidupan manusia. Pengadunan dan pembauran dunia realiti dan khayalan dalam novel ini telah memberi suatu gambaran yang jelas tentang fenomena kehidupan dengan sikap kritis dan bernada sinis. Sungguhpun pengarang telah menumpukan pada gambaran fizikal tentang kesan konflik luaran yang melanda Poseng, namun pertikaian dalaman ‘*Su Usul lah*’ yang menjadi inti perjalanan cerita. Fokus artikel ini adalah terhadap aspek intrinsik dengan melihat terus ke dalam teks, menumpukan perhatian kepada persoalan fantasi dan struktur psikik manusia.

Teori dan Metodologi

Dalam konsep topografi fikiran yang disarankan oleh Freud, terdapat tiga tahap kesedaran. *Ketidaksedaran* mengandungi kesemua aspek personaliti yang kita tidak sedari. *Prasedar* mengandungi sesuatu yang tidak berada di tahap kesedaran pada masa itu, ia mudah diperolehi. *Kesedaran* mengandungi semua bahan yang berada dalam keadaan sedar pada masa ini. Ketiga-tiga keadaan sedar bukannya merupakan kategori yang tetap, tetapi berada di atas satu kesinambungan. (Nye, 1992, 15). Berpandukan unsur terpilih teori Freud yang menekankan kepada lapisan dalaman manusia, kajian ini cuba memahami sikap dan perlakuan Su Usul. Watak Su Usul dapat dilihat daripada perspektif konflik jiwa dalam lapisan ketidaksedaran. Menurut Freud:

The division of the psychical into what is conscious and what is subconscious is the fundamental premiss for psycho-analysis; and it alone makes it possible for psychoanalysis to understand the pathological processes in mental life... we have two kinds of unconscious- the one which is latent but capable of becoming conscious, and the one which is repressed and which is not, in itself and without more ado, capable of becoming conscious. (Freud, 1974: 3-5)

Dalam memahami tentang proses mental dan personaliti seseorang, teori Freud telah memperlihatkan lapisan ketidaksedaran yang terdiri daripada komponen yang terdiri daripada ego, id dan super-ego superego yang mempunyai fungsi masing-masing. Tujuan psikoanalisis ialah untuk menemukan sebab-sebab tersembunyi neurosis ini supaya pesakit dapat merasa lega daripada konfliknya, dan dengan itu menghilangkan gejala yang menyulitkan. Tetapi keadaan psikosis itu lebih sulit untuk diatasi, iaitu di mana ego (seperti dalam neurosis yang pada sebahagiannya tidak dapat menebat nafsu tak sedarnya) jatuh ke dalam pengaruhnya. Jika

hal ini berlaku, hubungan di antara ego dan dunia luar terpecah, dan tak sedar itu mula membina suatu kenyataan gantian atau kenyataan khayalan (Eagelton,1988:174). Kata Freud lagi:

...there is a coherent organization of mental processes; and we call this his ego. It is this ego that consciousness is attached; the ego controls the approaches to motility - that is, to the discharge of excitations to the external world; it is the mental agency which supervises all its own constituent processes, and which goes to sleep at night, though even that it exercises the censorship on dreams. From this ego proceed the repressions, too, by means of which it is sought to exclude certain trends in the mind not merely from consciousness but also from other forms of effectiveness and activity (Freud,1974:7)

Sehubungan itu, kerja-kerja id, ego dan superego akan membentuk sikap dan perlakuan seseorang sehingga mencetuskan satu konflik dalaman. Id boleh dilihat sebagai bahagian personaliti yang pada keseluruhannya berada di bahagian ketidaaksedaran. Impuls naluri kita yang asas dan paling primitif (yang paling biasa dikutuk masyarakat dan justeru itu tidak dibenarkan wujud dalam kesedaran) terletak di sini, dan walaupun kita tidak sedar akan kehadirannya, tetapi ia memotivasikan tingkah laku kita dan menyebabkan konflik-konflik dalaman. Apabila kita merasai, berfikir atau melakukan sesuatu yang kita lihat sebagai tidak diterima atau mengancam diri sendiri, ataupun apabila kita mengalami sesuatu yang kurang menyenangkan, maka kita cenderung untuk menolaknya ke dalam ketidaksedaran (satu proses yang berlaku tanpa disedari...); bahan-bahan ini akan diletakkan di dalam id, dan digabungkan dengan impuls-impuls naluri tidak sedar yang kemudiannya akan menyebabkan berlakunya masalah. (D.Nye,1992:30). Apabila suasana-suasana yang menyebabkan anxieiti keresahan terus berlaku dan keadaannya semakin hebat, ini menyebabkan pelbagai simptom seperti kelelahan, kemurungan, rasa bersalah, pening-pening kepala, kurang bertenaga atau mati rasa, atau perasaan-perasaan rendah diri dan rasa kurang yakin. (Nye,1992:50-51).

Perbincangan Karya dan Dapatan

Watak protagonis Su Usul dalam Tunggul-tunggul Gerigis sering berkhayal dan bermonolog panjang kerana tidak dapat menyesuaikan diri dengan alam persekitarannya yang berubah. Kegelisahan Su Usul memuncak apabila dirinya tidak boleh menerima gelagat manusia dan kemanusiaan di perkampungan Poseng. Khayalan Su Usul bersambungan dan berputaran, Poseng; membelit dan melurus dan kemudian membelit kembali. Antara sedar dan tidak, antara warna-warna yang membalut pandangannya dengan gelombang-gelombang kecil perasaan yang sering menyumbat, dibiarnya khayalan itu tumbuh dan merebak kerana itulah sahaja yang masih ada. Khayalan itu akan mengusik gelombang rasanya dan gelombang itu menujah fikirannya untuk mengingat masa silam yang penuh keindahan dan kemesraan. (Tunggul-tunggul Gerigis, 7). Menurut Freud:

“Day-dreams are phantasies (products of the imagination); they are very general phenomena, observable, once more, in healthy as well as in sick people,

and are easily accessible to study in our own mind...The contents of those phantasies is dominated by a very transparent motive. They are scenes and events in which the subject's egoistic needs of ambition and power or his erotic wishes find satisfaction...these day-dreams are of very different kinds and pass through changing vicissitudes. They are either, each one of them, dropped after a short time and replaced by a fresh one, or they are retained, spun out into long stories and adapted to the changes in the circumstances of the subject's life...The hero of the day dreams is always the subject himself, either directly or by an obvious identification with someone else." (Freud, *Introductory*, 98-99)

Di samping merenung jauh, golongan tua seperti Su Usul juga gemar menceritakan semula apa-apa yang berlaku dalam kehidupan silam mereka. Perubahan-perubahan yang berlaku secara drastik kepada keadaan sekeliling mereka sukar untuk diterima. Bagi mereka, keadaan dan peristiwa lepas adalah lebih baik jika dibandingkan dengan keadaan semasa. (Nazreen, 2020, 175). Perkara ini turut diamati melalui watak Su Usul yang sering bergelumbang dengan alam realiti dan khayalannya. Kenangan lama memang manis dan nyaman. Dan kadang-kadang bergelora juga dengan gelombang-gelombang. (Tunggul-tunggul Gerigis, 78). Pengarang telah meletakkan Su Usul sebagai pusat kesedaran untuk meneliti perubahan sosial, ekonomi dan kepemimpinan politik yang dialami oleh Poseng akibat pembangunan dan modenisasi. Yang ingin ditegaskan oleh pengarang ialah perubahan tersebut telah mengancam khazanah alam sekitar dan perhubungan kekeluargaan dan corak kehidupan masyarakat Poseng yang masih terikat dengan nilai-nilai tradisional. Seperti yang dikatakan oleh Freud:

Whereas the ego is essentially the representative of the external world, of reality, the super-ego stands in contrast to it as the representative of the internal world, of the id. Conflicts between the ego and the ideal will, as we are now prepared to find, ultimately reflect the contrast between what is real and what is psychical, between the external world and the internal world. (Freud, 1974:26)

Memang tidak dapat dinafikan bahawa apa yang berlaku diri Su Usul telah membuatnya gelisah (*anxieti*) kerana pertembungan dunia realiti dan dunia dalam pemikirannya. Freud menyarankan bahawa terdapat tiga jenis anxieti keresahan : *anxieti keresahan realiti*, *anxietikeresahan neurotik* dan *anxieti keresahan moral*. Anxieti Keresahan realiti berlaku apabila terdapat ancaman-ancaman dari alam sebenar. Seseorang itu berhadapan dengan situasi atau keadaan yang diamati sebagai berbahaya. Anxieti Keresahan neurotik berlaku apabila impuls id mengancam untuk lepas keluar dan menyebabkan dirinya dihukum kelak. Anxieti Keresahan moral berlaku akibat pengaruh superego apabila seseorang itu berfikir, merasa atau melakukan sesuatu yang bercanggah dengan nilai-nilai atau standard-standard moral yang telah diterimanya. Individu yang mempunyai superego yang kuat berupaya untuk mengatasi masalah yang wujud dalam pelbagai situasi sekitaran yang mempunyai kebolehan mengawal impuls-impuls di samping membekalkan perlepasan secara konstruktif dengan mengambil kira (tanpa mengalami kesekatan) nilai-nilai dan standard-standard yang dipelajari. Mengikut teori psikoanalisis, mekanisme bela diri digunakan oleh ego untuk melindungi individu dari anxiety keresahan. Mekanisme bela diri melibatkan pemalsuan keadaan-keadaan sebenar dan

diandaikan beroperasi secara tidak sadar. Represi Pemendaman adalah mekanisme bela diri yang paling asas dan penting. Ego akan menolak keluar segala apa yang tidak boleh diterimanya dari kesedaran. Impuls-impuls yang tidak menyenangkan dan yang tidak dingini, fikiran, perasaan ataupun ingatan disimpan di dalam atau ditolak masuk ke alam tidak sadar disebabkan oleh potensinya menyebabkan berlakunya anxieti. keresahan. Ego mesti menggunakan tenaga (*antikatexis*) untuk membendung dan menyekat bahan-bahan yang timbul yang normal dari tahap kesedaran. (Nye,43-45). Namun demikian, Freud menegaskan bahawa:

From the other point of view, however, we see this same ego as a poor creature owing service to three masters and consequently menaced by three dangers: from the external world, from the libido of the id, and from the severity of the super-ego. Three kinds of anxiety correspond to these dangers, since anxiety is the expression of a retreat from danger. As a frontier-creature, the ego tries to mediate between the world and the id, to make the id pliable to the world and, by means of its muscular activity, to make the world fall in with the wishes of the id (Freud, 1974:46).

Seperti yang dikatakan oleh Freud: “Di mana ada id, di situ akan ada ego”. (Eagleton,1988:176). Perhubungan antara id, ego dan super ego akan membawa kepada sikap dan perlakuan seseorang individu. Ciri-ciri perwatakan dapat dihayati melalui penerokaan lapisan dalaman seseorang watak. Melalui novel *Tunggul-tunggul Gerigis*, Shahnnon cuba memperlihatkan kegelisahan batin yang parah dalam watak protagonisnya Su Usul. Pembaca akan dapat melihat faktor-faktor yang mendorong seseorang mengamalkan sikap dan perlakuan yang tertentu. Freud telah menegaskan bahawa perlakuan atau tindakan seseorang individu ditentukan oleh proses mental dalam lapisan bawah sadar dan perlakuan manusia didorong oleh keinginan seks atau libidonya(Freud, 1971:535). Justeru itu, kita perlu meneliti lapisan bawah sadar watak Su Usul untuk melihat kerja-kerja ego, id dan superego. Menurut Freud lagi:

...the ego is that part of the id which has been modified by the direct influence of the external world ...The ego represents what may be called reason and common sense, in contrast to the id, which contains the passions...It is easy to see that the ego is that part of the id which has been modified by the direct influence of the external world... (Freud, 1974 :15).

Freud menjelaskan bahawa personaliti seseorang boleh dikaji daripada model struktural yang mengandungi id, ego dan superego, *Id* ialah bahagian personaliti yang paling primitif dan merupakan sistem yang datang bersama-sama bayi yang baharu dilahirkan manakala *ego* mula berkembang sejurus selepas kelahiran, iaitu semasa bayi mula berinteraksi dengan alam sekitarnya. *Superego* pula menggambarkan aspek-aspek moral manusia serta nilai-nilai yang ditetapkan oleh ibu bapa atau orang dewasa lain. (Freud, 1973:2-4). Namun demikian, seseorang manusia akan cuba mencapai keseimbangan agar bertindak menurut tuntutan sosial dan agama.

Berdasarkan pemahaman tentang struktur psikik manusia yang terdiri daripada lapisan, *id*, *ego* dan *superego*, boleh dilihat personaliti Su Usul yang kosong jiwanya dan kesepian

setelah kematiannya isterinya, Bunga. Khayalan yang dialami oleh Su Usul amat penting untuk mengelakkan dirinya daripada menjadi seorang penderita psikosis ataupun neurosis. Landskap khayalan Su Usul memberikan satu gambaran tentang nyanyuk atau “*senile psikosis*” seorang tua yang berdepan dengan segala perubahan yang berlaku di persekitaran dan perkampungannya. Melalui *Tunggul-tunggul Gerigis* Shahnnon Ahmad memperkenalkan kepada khalayak konsep *senile psikosis*. Istilah “*senile*” merujuk kepada istilah Melayu “nyanyuk”, berkelakuan seperti kanak-kanak (bukan orang yang sudah terlalu tua), tidak berapa betul lagi (bukan fikiran orang yang terlalu tua), raban, atau “nyanyuk” atau menyanya yang bererti bercakap yang bukan-bukan, meraban dan merepek. Namun dalam konteks psikologi kejiwaan, *senile* membawa erti, *Aged, used particularly with respect to those patterns of thought and behavior characteristic of old age*. (Siti Hajar Che Man, 2013, 84) Manakala menurut Reber, pengertian *senile psikosis* disebut sebagai “*dementia*” yang secara umumnya dinyatakan sebagai:

A loss of intellectual capacity to the extent that normal social and occupational functional can no longer be carried out. The term is reserved for multifunctional disorders where memory, reasoning, judgement and other 'higher mental processes' are lost. (Reber, S Author, 1985:194)

Gambaran mental Su Usul melalui siratan mimpi dan bentuk-bentuk khayalan yang lain mampu memperlihatkan suasana dan persekitaran yang mencetuskan kegelisahan lapisan dalaman tersebut. Leretan khayalan dan igauan Su Usul yang berulang-ulang sering dikaitkan dengan ketuaan dan kenyanyukannya. Perubahan yang melanda perkampungan Poseng telah mengusik jiwa Su Usul. Seperti yang dikatakan oleh Freud,

The ego is actual seat of anxiety. Threatened by dangers from three directions, it develops the flight-reflex by withdrawing from its own cathexis from the menacing perception or from the similarly regarded process in the id, and emitting it as anxiety (Freud, 1974:47).

Kegelisahan yang dialami oleh Su Usul tidak dapat dibendung dan seterusnya telah membawa kepada perubahan perlakuan yang berbentuk neurotik dan kelihatan kurang normal. Su Usul sebenarnya ingin melarikan diri daripada dunia luar yang dialaminya. Namun, dari kaca mata masyarakat Poseng dan juga anak dan menantunya sendiri, Su Usul telah tua dan berhadapan dengan situasi nyanyuk:

1. Dia sendiri tahu usianya tak lama, tak ubah seperti kerak nasi kena air atau kacang buncis direbus buat ulam (hlm.127).
2. Dia hanya ketuat yang tumbuh tidak diminta, yang membesar tidak disuruh dan kemudian dihiris dan dibuang ke tanah untuk terus kering dan hilang begitu saja (hlm. 127).
3. “Orang tua ni sudah nyanyuk. Cuba tengok tempat dia? Tahinya keluar begitu saja bila terasa nak keluar. Kencing pun sama.” (hlm. 180).

Sering kalinya kewujudan Su Usul dalam dunia realitinya boleh dipertikaikan. Su Usul amat prihatin tentang apa-apa sahaja yang berlaku di dalam keluarga atau di sekelilingnya. Hanya kewujudan fizikalnya dipandang remeh atau 'tidak wujud' sama sekali. Persekitaran fizikal Poseng yang semakin tercemar dan membimbangkan telah membayangkan suasana hati Su Usul yang semakin gusar melihat perubahan fizikal yang melanda Poseng. Untuk mengelakkan sesuatu emosi daripada meledak keluar secara yang tidak diingini, Su Usul telah berkhayal dalam kebisuan. Mimpi memberikan laluan masuk terpenting kita kepada tak sedar, walaupun bukan ini sahaja salurannya. Terdapat juga apa yang digelar Freud sebagai "parapaxes", iaitu tersasul kata yang tidak dapat dikesan sebabnya, lupa, salah bacaan dan salah simpanan yang dapat disalurkan kepada Hasrat dan keinginan tak sedar. Kehadiran tak sedar terlihat dalam jenaka, yang pada Freud mempunyai kandungan, yang pada bahagian besarnya, bersifat libido, gelisah dan agresif. Tak sedar itu berbahaya apabila ada tindakannya dalam sesuatu gangguan psikologi. Kita mungkin mempunyai beberapa nafsu yang kita sedari yang tidak pula dapat kita nafikan, tetapi tidak berani mencari saluran keluarnya; dalam keadaan begini nafsu itu memaksa masuk dari tak sedar, ego pula menghalanginya, dan akibatnya ialah suatu konflik dalaman yang dikenali sebagai neurosis (Eagleton, 1988:174).

Lapisan bawah sedar telah mengarahkan Su Usul supaya berkhayal bukan sahaja sebagai satu bentuk penahanan tetapi juga untuk mencapai kepuasan. Sesungguhnya, khayalan Su Usul bukan sahaja memberi satu ketenangan dan kenangan manis masa silamnya, tetapi dia kuat berkhayal kerana hubungannya dengan anak menantu dan manusia di sekelilingnya tidak mesra lagi. Su Usul diperlihatkan sebagai seorang tua dalam usia yang semakin meningkat dan telah hilang kekuasaan dalam keluarganya dan dalam masyarakat Poseng. Kini, semuanya sudah berubah. Su Usul telah kehilangan tenaga fizikalnya dan kekuasaannya sehingga dirinya tidak terurus. Di samping itu, Su Usul merasakan dirinya sebagai tidak wujud, seolah-olah dirinya merupakan satu khayalan sahaja kerana lamunan Su Usul, waktu kini, kelmarin dan akan datang sering bercampur baur. Seperti kata Teryy Eagleton bahawa ego adalah suatu entiti yang mengundang rasa kasihan, yang genting sifatnya, terpukul oleh keadaan dunia luar, dimomok oleh cacian ganas superego, diganggu oleh tuntutan id yang rakus dan tidak pernah puas-puas. Rasa kasihan Freud terdapat ego ialah rasa kasihannya terhadap bangsa manusia yang hidup sengsara di bawah tuntutan yang hampir-hampir tidak tertahan yang dibebankan ke atasnya oleh suatu tamadun yang terbina daripada penebatan nafsu dan penangguhan pemuasan (Eagleton, 176-177).

Untuk menghadapi dunia realiti, watak Su Usul telah mengalami satu desakan untuk "melarikan diri" bukan secara fizikal tetapi secara dalaman. Seperti kata Freud:

...real anxiety or dread appears to us a very natural and rational thing; we should call it a reaction to the perception of an external danger, of an injury that is expected and foreseen; it is bound up with the reflex of flight, and may be regarded as an expression of the instinct of self-preservation. The occasions of it, i.e. the objects and the situations about which anxiety is felt, will obviously depend to a great extent upon the state of the person's knowledge and feeling of power regarding the outer world (Freud, 1938:342).

Sebenarnya Su Usul bukan sahaja merupakan satu bentuk “*psychological flight*” tetapi ia juga memberi ketenangan dan kenangan manis kerana hubungannya dengan manusia sekelilingnya tidak mesra lagi. Untuk mengelakkan sesuatu emosi daripada meledak keluar secara tidak dingini, Su Usul telah berkhayal dalam kebisuan. Lapisan bawah sedar telah mengarahkan Su Usul berkhayal bukan sahaja sebagai satu bentuk penahanan, tetapi juga untuk mencapai satu kepuasan dan keseronokan. Menurut Laughlin, Freud telah menegaskan bahawa, “*Fantasy is a potent means for the avoidance of conflict. Through fantasy there is almost no limit to the difficult situations from which one can at least temporarily escape. It can comprise a means of psychological flight*”(Laughlin,1970:119). Khayalan Su Usul ditafsirkan oleh Freud sebagai:

Day-dreams are phantasies (products of phantasy); they are very common phenomena, are observable in healthy and sick persons, ...The content of these phantasies is dictated by a very transparent motivation. They are scenes and events which gratify either the egoistic cravings of ambition or thirst for power, or the erotic desires of the subject (Freud, 1938, 88).

Su Usul telah memilih untuk membisu dan memekakkan telinganya kerana mungkin merajuk ataupun dia rasa ‘endah tak endah’ tentang persekitarannya. Dia hanya menunggu saat kematiannya. Su Usul seronok menunggu ketika itu kerana cepat pula dia akan berada bersama Bunga. Su Usul mengelip mata cuba memalingkan khayalannya ke arah yang lebih terang tetapi apa gunanya yang terang kalau khayalan boleh memberi ketenangan kepadanya. Kadang-kadang Su Usul rasa dia sendiri itu pun satu khayalan juga. Tanpa khayalan, hidupnya lebih murung dan gelap. (Tunggul-tunggul Gerigis, 89). Sehubungan itu, Laughlin mengatakan bahawa “*Fantasy is a potent means for the avoidance of conflict. Through fantasy there is almost no limit to the difficult situations from which one can at least temporarily escape. It can comprise a means of psychologic flight*” (Henry P. Laughlin, 119).

Melalui khayalan Su Usul, pembaca akan dapat meneliti aspek bawah sedar yang memaparkan konflik dalaman dalam dirinya. Untuk mengelakkan sesuatu emosi daripada meledak keluar. Su Usul telah memilih untuk berkhayal dalam kebisuan. Su Usul berkata dalam bisikan hatinya:

“Ketuaan bagaikan sudah dilaknati. Dan dalam detik seribu satu kemungkinan itulah Su Usul benar-benar terasa hina kembali. Benar-benar rasa terbuang bagaikan kain buruk busuk di tengah-tengah anak menantu, cicit-cicit dan seluruh anak buah Poseng. Terasa benar tarafnya setahap dengan tunggul-tunggul, kayu-kayu mati yang banyak menunggu hakisan terakhir.”

“Tadi dia benar-benar terasa seperti tunggul mati sewaktu makan bersama Mahmud dan Esah; malah terasa lebih buruk lagi dari itu. Dia bagaikan tak wujud lagi sekarang ini. Dia memejamkan lagi kedua belah matanya sambil cuba melihat dirinya dalam kegelapan itu. Kadang-kadang dia merasai lebih jelas lagi dia melihat dirinya dalam kegelapan dari dalam sinaran.” (Tunggul-tunggul Gerigis,5)

Su Usul yang sudah tua dan berada dalam keadaan kegelisahan, kesepian, dan segalanya tersisih. Pengarang juga sering berulang-ulang tentang ketidaktenteraman hati Su Usul yang dipaparkan melalui khayalannya. Khayalan itu akan mengusik gelombang rasanya dan gelombang itu menujah fikirannya untuk mengingat masa silam yang penuh keindahan dan kemesraan. Dari satu khayalan ke satu khayalan yang lain yang bertambah indah, kadang-kadang menyebabkan Usul naik gelabah. (Tunggul-tunggul Gerigis, 7-13). Menurut Freud (2001), mimpi adalah penghubung antara situasi bangun dan tidur. Baginya, mimpi adalah ekspresi yang terdistorsi atau yang sebenarnya dari keinginan-keinginan yang terlarang yang diungkapkan dalam keadaan terjaga. Freud seringkali mengidentifikasi mimpi sebagai satu aktiviti mental tidak sadar dalam mengungkapkan sesuatu yang difikirkan individu, beriringan dengan tindakan psikologi yang salah, silap kata ataupun berbentuk jenaka. Dunia khayalan dan dunia nyata yang sering bertimbal balik kadang-kadang membawa kerinduan kepada perhubungan mesra dengan isterinya, Bunga. Memang tidak dapat dinafikan bahawa khayalan Su Usul bukaan sahaja memberi ketenangan dan kenangan manis, tetapi di a dia kuat berkhayal kerana hubungannya dengan manusia di sekelilingnya dan persekitarannya tidak mesra atau serasi lagi dengan dirinya. Freud menegaskan bahawa:

The waking life, with its trials and joys, its pleasures and pains, is never repeated; on the contrary the dream aims at relieving us of these. Even when our whole mind is filled with one subject, when our hearts are rent by bitter grief, or when some task has been taxing our mental capacity to the utmost, the dream either gives us something entirely alien, or it selects for its combinations only a few elements of reality; or it merely enters into the key of our mood, and symbolizes reality (Freud, 2018: 14).

Selain itu, khayalan Su Usul sering juga dipenuhi dan dilingkari dengan keinginan untuk mati. Buat sementara waktu dia hanya ingin menjenuhkan ingatannya dengan khayalan-khayalan yang indah-indah dan yang sedap-sedap penuh selera tentang kematian. (Tunggul-tunggul Gerigis, 109). Memang tidak dapat dinafikan bahawa dalam mengharungi proses penuaannya, Su Usul merindui gemulah isterinya, Bunga dan cucunya, Bedul. Su Usul benar-benar ingin pulang:

“Dia tu asyik nak balik.” Esah kemudiannya memberitahu.

“Balik? Balik ke mana?”

“Balik ke asal. Balik ke sana.”

“Ke mana?”

“Balik ke tempat asal!”

“Tempat asal Su Usul di mana? Patani? Yala?” tanya Saad suami Kak Lat.

“Balik ke akhirat!” mencelah kak Yon menjuih mulut ke arah Saad sambil menjeling Kak Lat.

Saad terangguk-angguk tapi nampaknya tidak juga terasa kebodohnya memahami maksud kata-kata yang berlapik (Tunggul-tunggul Gerigis, 234).

Pembaca dapat melihat bahawa perjalanan waktu dalam novel *Tunggul-tunggul Gerigis* telah diadun dengan waktu masa kini dan masa lampau bersisian dalam pergolakan batin Su Usul. Kekalutan diri Su Usul yang menjebakkan dirinya ke alam khayalan sebenarnya menunjukkan perimbangan ego, id dan superego untuk menghadapi perkembangan semasa. Su Usul teringin benar untuk ‘pulang’. Dia sendiri tahu usianya tak lama; tak ubah seperti kerak nasi kena air atau kacang buncis direbus buat ulam. Dia sebenarnya pekak dan bisu dan juga buta. Dia tidak mendengar tidak bercakap dan tidak melihat apa-apa. (Tunggul-tunggul Gerigis, 127). Su Usul lebih sejahtera berada dalam situasi begini. Mungkinkah Su Usul sengaja berbuat demikian untuk mendekati dirinya dengan Tuhan. Seperti kata Freud:

...we have two kinds of unconscious – the one which is latent but capable of becoming conscious, and the one which is repressed and which is not, in itself and without more ado, capable of becoming conscious... the ego controls the approaches to motility- that is the discharge of excitations into the external world; it is the mental agency which supervises all its own constituent processes, and which goes to sleep at night, though even then it exercises the censorship on dreams (Freud,1974:5-7).

Sebenarnya keinginan Su Usul yang terpendam itu adalah dunia yang indah untuk dirinya. Fikiran Su Usul tidak berganjak dari matlamatnya dalam perjalanan pulang. Fikiran itu cerah, jelas dan menggambarkan arah yang amat didahagakan iaitu maut. Dan maut dinampakkan dalam bentuk-bentuk gamitan para gemulah yang sudah lama pulang, dalam bentuk ketenteraman suasana penuh angin yang mengusap tubuh dan penuh suara yang lunak dan tak habis-habis menegur dan menegur. Su Usul terlalu ingin kepada kematian itu kerana hanya dengan itu sajalah dapat dia lari dari tunggul-tunggul reput yang banyak tumbuh di bumi Poseng, dari rumbu-rumbu dan rambai-rambai yang tak pernah habis.(Tunggul-tunggul Gerigis, 251). Dalam teori Freud, mimpi-mimpi jelas adalah pembentukan berkompromi, iaitu suatu hajat yang tidak disedari dibenarkan dibenarkan sedikit luahan, tetapi hanya dalam bentuk yang tersembunyi. Ego menekankan penapisan, walaupun semasa tidur, bagi mengelakkan bahan ketidaksedaran yang tidak boleh diterima daripada timbul ke permukaan dalam bentuk asal yang tidak dibenarkan. Apabila ego gagal untuk menjalankan peranan penapisan dengan efektif, akibatnya terjadilah mimpi seram (atau dalam istilah psikoanalisis ia dinamakan suatu “mimpi anxieti keresahan ”) Dalam kes yang sedemikian rupa, ego gagal untuk memenuhi fungsi pentingnya: iaitu untuk melindungi tidur dengan membenarkan ketegangan yang tidak disedari dikurangkan sebahagian darinya dengan cara yang tidak membahayakan (Nye,1992: 53). Keadaan mimpi yang dialami oleh Su Usul yang penuh anxieti keresahan telah membawa kesan neurotik kepada diri Su Usul yang semakin tidak terkawal. Su Usul semakin gelisah kerana memikirkan dirinya yang akan “kembali menjadi bayi”. Anak menantu Su Usul yang tidak mengerti keadaan diri Su Usul dan menganggap Su Usul sebagai tunggul sahaja. Namun demikian keadaan neurotik yang dihadapi oleh Su Usul adalah disebabkan oleh pertarungan id, ego dan super ego superego dalam dirinya.

Kesimpulan

Yang ketara dalam novel *Tunggul-tunggul Gerigis* yang seluruhnya boleh dikatakan didominasi oleh ketuaan Su Usul. Di situ wujudnya penyisihan, kesepian, kerinduan, kehakisan semangat, kebosanan, keletihan, kebencian, keselekehan, kegilaan dan igauan, kelembapan, putusanya perhubungan, dan seribu satu lagi yang langsung diasosiasikan dengan ketuaan. Penglibatannya, pendengarannya, deria rasanya, langkahnya, tidurnya, makannya, nafasnya, dan segala-galanya datang daripada makna ketuaan yang terkapuk pada diri Su Usul (Shahnon, 2008,180). Dengan ikhlasnya Shahnon kata bahawa *Tunggul-tunggul Gerigis* pun banyak kekurangan dan kelemahannya, terutama pada bahagian akhir karya itu. Memang bahagian akhir *Tunggul-tunggul Gerigis* terasa keremeh-temehannya, terutama terbawa-bawa dengan kaedah popular dan *impresionis* yang meleret-leret dan bertele-tele sehingga komposisi karya ini longgar dan berongga bahagian akhirnya. Tetapi bahagian awalnya yang fokusnya pada watak Su Usul benar-benar memenuhi tuntutan diri sebagai seorang sasterawan yang sudah lanjut usia selaras dengan ketuaan Su Usul... Kekuatan *Tunggul-tunggul Gerigis*, aku rasa, khusus terletak pada gerak-geri, gerak mental, gerak rasa, dan gerak hati Su Usul yang tua itu (Shahnon, 2008:263-64). Bagi Shahnon kekuatan *Tunggul-tunggul Gerigis* khususnya terletak pada gerak-geri, gerak mental, gerak rasa, dan gerak hati Su Usul yang itu. Kata Shahnon lagi, bahagian awal *Tunggul-tunggul Gerigis* ialah novel insan atau perwatakan, sedangkan bahagian akhirnya ialah novel cerita. Terlalu banyak cerita menyebabkan perwatakan atau aspek insan terpinggir, sedangkan novel yang baik menuntut pemerhatian kepada insan; bukan pada wadah atau cerita yang mendukung insan. Shahnon, 2008: 634-635). Proses mental yang dialami oleh Su Usul memberi satu gambaran tentang proses perimbangan ego, id dan superego di dalam dirinya. Seperti kata Freud,

We have formed the idea that in each individual there is a coherent organization of mental processes; and we call this his ego. It is to this ego that consciousness is attached; the ego controls the approaches to motility- that is, to the discharge of excitations into the external world; it is the mental agency which supervises all its own processes, and which goes to sleep at night, though even it exercises the censorship on dreams. From this ego proceeds the repressions, too, by means of which it is sought to exclude certain trends in the mind not merely from consciousness but also from other forms of effectiveness and activity. In analysis these trends which have been shut out stand in opposition to the ego, and the analysis is faced with the task of removing the resistances which the ego displays against itself with the repressed. (Freud, 1974:7)

Kegelisahan yang dialami oleh Su Usul merupakan satu bentuk ancaman sebenar yang berkaitan dengan keadaan sekelilingnya. Namun demikian, ingatan Su Usul yang tidak menyenangkan mungkin berada di pinggiran untuk diluahkan di tahap kesedaran, tetapi kegelisahan yang terhasil mungkin menakutkan egonya sehingga membina satu sekatan terhadap luahan emosi yang mungkin berbahaya atau mengancam itu. Su Usul telah menggunakan egonya untuk mengelakkan emosinya yang kurang menyenangkan dan menggunakannya daripada timbul ke permukaan iaitu ke tahap kesedaran. Menurut Nye, walau

bagaimanapun tidak harus dilupakan yang ego ini berkembang daripada id. Permintaan-permintaan naluri id mendorong perhubungan dengan kenyataan, dan ego terbentuk apabila sesetengah tenaga id mula digunakan untuk mengejar kepuasan dari alam sebenar. (Nye:31). Memang tidak dapat dinafikan bahawa suasana hati ini dialami, dirasakan dan dihayati melalui protagonisnya, Su Usul. Sesungguhnya, novel *Tunggul-tunggul Gerigis* membawa satu pengalaman yang berbaur di antara alam realiti dan khayalan seperti mana yang dialami oleh Su Usul. Pengaruh daripada persekitaran telah mempengaruhi tingkah laku Su Usul yang tercetus daripada pembauran lapisan ego, id dan superego.

Rujukan

- Abdul Rahman Embong. (2015). *Sastera, Politik dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Tahir. (1989). *Proses Penciptaan Novel Ishak Hj. Muhammad, A. Samad Said, Shahnnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah.(2013). *Anggerik Cinta Shahnnon Ahmad*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ahmad Redzaudin Ghazali, Yaakub Hassan & Muhammad Haron Husaini. (2013). *Permasalahan Sosial dan Politik dalam Novel Terpilih Najb Mahfuz dan Shahnnon Ahmad. Kertas kerja dibentangkan dalam "World Conference on Integration of Knowledge, WCIK 2013, Langkawi, Malaysia*.
- Ahmad Redzaudin Ghazali, Mohamad Rofian Ismail & Khairatul Akmar Abd Latif. (2022). Tema Kemiskinan dalam Novel *Bidayah wa Nihayah* dan *Ranjau Sepanjang Jalan*: Analisis Perbandingan. *Jurnal Pengajian Islam* 15(2), 1-14.
- Ani Omar. (2014). Shahnnon Ahmad: Introspeksi Diri dalam Autobiografi *Detik-detik Diri di Daerah Daif*. *Jurnal Peradaban Melayu*. 9(1): 129-147
- Anwar Ridhwan. (2021). *Shahnnon Ahmad: Dari Naratif Daerah ke Wadah dan Wajah Kebijaksanaan*. *PENDETA Journal of Malay Language, Education dan Literature*, 12(1), 13-21.
- Arba'ie Sujud, Salihahs Razak & Siti Rabiatal Adawiah Jaffar. (2015). Pemikiran Politik: Pemimpin dan Kepemimpinan dalam Novel Shahnnon Ahmad. *Internatioanl Journal of the Malay World and Civilisation(Iman)*3(1),:67-78.
- Aveling, Harry. (2000). *Shahnnon Ahmad: Islam, Power and Gender*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Aveling, Harry. (2009). *Shahnnon Ahmad: Malay Author. Kertaskerja dibentangkan dalam Bengkel "Race and Nation. Family and Economy", National University of Singapore, 20-21 Januari 2009*.
- Azman Ismail. (2018). Novel-novel Shahnnon Ahmad dalam Perspektif Etnografi Semantik. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, 6(isu): 1-30.
- Bruner, J. (2004). Life as Narrative. *Social Research: An International Quarterly*, 71(3): 691-710.
- Dwi Susanto. (2016). *Pengantar Kajian Sastra*. Yogyakarta. Center for Academic Publishing Services.

- Eagleton, Terry.(ed.). 1988. *Teori Kesusasteraan: Satu Pengenalan* (Muhammad Salleh (pentj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Freud, Sigmund. (1938). *A General Introduction To Psychoanalysis*. New York: Garden City Publishing Company..
- Freud, Sigmund. (1962). *The Ego and The Id*. London: The Hogart Press Ltd..
- Lahmuddin Lubis (ed.), 2000. *Pengantar Bimbingan Konseling*. Medan: IAIN Press.
- Laughlin, Henry. P. (1970). *The Ego and Its Defenses*. New York: Appleton-Century Crofts.
- Mohd. Ariff Hussein. (1990). Kaedah Penyelidikan gunaan dalam bidang ekonomi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Nazreen Shahul Hamid, M. S. (2018). *Perjalanan Si Tua dalam Novelet" Sebuah Mimpi Buat Hari Tua". Suatu Penelitian Gerontologi. Malay Literature, 31(1) ,168-181.*
- Mohd. Shahrizal Nasir. (2015). Kejelasan dan kekaburan Makna Kosa Kata Arab dalam *Mahabbah* Karya Shahnnon Ahmad. *Islamiyyat*. 37(1): 69-76.
- Mohd. Yusof Hasan. (1989). *Novels of the Troubled Years*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yusof Hasan. (1990). *Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dn Pustaka.
- Mohd. Yusof Hasan. (1991). *Pengenalan Fiksyen Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yusof Hasan. (1995). *Koleksi Terpilih Shahnnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yusof Hasan. (1995). *Penghayatan Fiksyen Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yusof Hasan. (2021). *Biografi Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad: Anak Nan Bertuah*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Moleong, L.J. (2004). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: PT. Remaja Rosadakarya.
- Noralina Omar. (2021). *Gerontologi Memahami Konteks Sosial Penuaan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nye, Robert D. & Mahmood Nazar Mohamed. (1992). *Tiga Pemikiran Psikologi(Terj). Skinners dan Roger*.
- Ooi Eng Lye. (2005). *Novel Terpilih Shahnnon Ahmad. Satu Kajian Pendekatan Gender*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnnon Ahmad. (1988). *Tunggul-tunggul Gerigis*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnnon Ahmad. (2008). *Weltanschauung*. Suatu Perjalanan Kreatif. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsuddin Jaafar. (2004). *Mengkaji Teori Sastera: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hajar Che Man. (2010). *Resah Manusia Desa dan Kota: Sebuah Festschrift untuk Shahnnon Ahmad*. Pulau Pinang. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2014). *Teori dan Kritikan Sastera*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Tahir. (1987). *Modern Malay Literary Culture: A Historical Perspective. Research Notes and Discussion Paper*. Institute of South East Asian Studies.

- Ungku Maimunah Tahir. (2006). Pemahaman dan Penerapan Sosiologi Sastra dalam Sastra Melayu Modern. *Akademika* 69, 3-16.
- Talib Samat. (2002). *Karya Terpilih Sastrawan Negara dalam Esai dan Kritikan*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Talib Samat. (2010). *Naratologi Shahnnon Ahmad*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.